

SULIT



**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2018/2019**

Jun 2019

**HKB503 – Seminar Silang Budaya Kesusteraan
Asia Tenggara**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab DUA (2) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

...2/-

SULIT

- 2 -

Bahagian A

1. Apakah yang anda faham dengan naratif sakral (*sacred narrative*)? Berdasarkan pemahaman tersebut, bincangkan bagaimana unsur sumpah yang tercerna dalam *Sulalatus Salatin / Sejarah Melayu* (1996) dan *La Galigo* (2006) berperanan dalam membentuk kepercayaan sakral masyarakat Melayu dan Bugis masa lampau tentang hubungan raja dengan rakyat.

[100 markah]

2. *Hikayat Hang Tuah* (1997) dan *Ensera Ayor* (2013) adalah karya epik yang kaya dengan citra tipa induk wira bagi bangsa yang melahirkannya. Bincangkan TIGA unsur yang menjadi asas kepada pernyataan ini. Seterusnya, kemukakan secara kritis bagaimana kajian yang bersifat antar budaya boleh meningkatkan pemahaman terhadap kewiraan Hang Tuah dan Ayor kepada masyarakat Melayu dan Iban.

[100 markah]

3. Peristiwa pembunuhan pembesar yang melibatkan Tun Fatimah (*Sulalatus Salatin / Sejarah Melayu*) (1996) dan Rara Oyi (*Babad Tanah Jawa*) (1975) membawa beberapa implikasi budaya dan semangat etnosentrisme (*ethnocentrism*) pengarang tentang punca-punca keruntuhan sesebuah kerajaan. Berikan suatu hujahan yang kritis tentang sejauh mana benarnya pernyataan ini.

[100 markah]

- 3 -

Bahagian B

4. Susan Basnett mengatakan walaupun wacana pascakolonialisme mencabar keunggulan dan kewibawaan budaya penjajah, namun begitu wacana ini juga tidak menafikan kesan penjajahan terhadap budaya tempatan (1993:78).

Berdasarkan pernyataan di atas, terangkan kesan penjajahan Inggeris dan Belanda terhadap watak Salmah dalam novel *Ia-kah Salmah?* (1927) karya Ahmad Rashid Talu dan watak Hanafi dalam novel *Salah Asuhan* (1928) karya Abdul Moeis.

[100 markah]

5. Dengan merujuk novel *Mariga* (2012) karya Amil Jaya dan *Mangalua* (2012) karya Idris Pasaribu,uraikan persoalan perkahwinan dan adat yang berlaku dalam masyarakat Murut menerusi watak Walter Flint dan masyarakat Batak Toba menerusi watak Jogai.

[100 markah]

6. Bandingkan puisi bertajuk "melayu baru" (1996) oleh Muhammad Haji Salleh dan "Pulau Bali" oleh W. S. Rendra (1977) dalam mencitrakan bahaya pembangunan terhadap budaya bangsa peribumi selepas merdeka. Bincangkan pendirian penyair terhadap isu-isu yang mencabar identiti bangsa dalam kedua-dua puisi tersebut.

[100 markah]

- oooOooo -